

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ IPOH TIMOR ]**

**SOALAN :**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pindaan yang dicadangkan untuk Akta Acara Sivil 1956 (Civil Law Act 1956). Bilakah cadangan pindaan akan di bawa ke Dewan untuk pertimbangan dan kelulusan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat ini, pindaan kepada Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67] sedang dalam proses penggubalan. Jabatan Peguam Negara telah menubuhkan suatu Jawatankuasa *Ad Hoc* Jangka Kali (*Multiplier*) dan Ganti Rugi Am Kecederaan Diri berdasarkan hasil kaji selidik yang telah diadakan dan maklum balas yang telah diterima daripada *stakeholders* mengenai prinsip pemberian dan pengiraan ganti rugi bagi kecederaan diri dan kemalangan maut.
2. Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan pada 18 Mac 2014 dengan dianggotai oleh wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Mahkamah, Kementerian Kesihatan, Bank Negara, Majlis Peguam, Persatuan Aktuari Malaysia, ahli akademik, pihak insurans dan lain-lain bagi membincangkan isu-isu pemberian dan pengiraan ganti rugi secara holistik. Pada masa yang sama, Jabatan Peguam Negara sedang meneliti isu-isu berbangkit yang dikemukakan oleh *stakeholders* terhadap Kertas Cadangan Pindaan Akta 67 yang telah disediakan oleh Jabatan Peguam Negara.
3. Semua maklumat yang diterima daripada kaji selidik secara dalam talian dan input *stakeholders* sedang dipertimbangkan dan dikaji dengan lebih mendalam bagi menambah baik prinsip pemberian dan pengiraan ganti rugi bagi kecederaan diri dan kemalangan maut.

Sekian, terima kasih.